

Headline	TH sumbang 100,000 helai sejadah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	11	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	667 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,912



50,000 botol air minum turut diedar kepada peserta Selawat Perdana hari ini

# TH sumbang 100,000 helai sejadah

Oleh **MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**KUALA LUMPUR** 20 Mac - Lembaga Tabung Haji (TH) hari ini menyerahkan sumbangan berupa 100,000 helai sejadah bagi penganjuran Majlis Selawat Perdana Malam Cinta Allah dan Rasul di Dataran Masjid Putra, Presint 1, Putrajaya pada pukul 8 malam esok.

Sumbangan itu diserahkan oleh Pengerusi TH, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim kepada Setiausaha Sekretariat Selawat Perdana, Shahrul Nasrun Kamarudin di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Abdul Azeez berkata, selain sejadah, TH melalui rakan korporatnya turut menyumbangkan 50,000 botol air minuman kepada pihak penganjur.

"Sejadah akan diberikan kepada setiap mereka yang datang awal. Saya difahamkan orang ramai akan mula datang seawal jam 5 petang.

"Di kesempatan ini, saya ingin menjemput keluarga serta sahabat taulan kepada penumpang pesawat MH370 yang kehilangannya masih menjadi misteri untuk turut serta kerana solat hajat akan diadakan," katanya.

Turut hadir, Ketua Penerangan Majlis Gabungan NGO Melayu Negeri Johor, Abdullah Md. Yusof.

Majlis bertemakan Kesatuan, Perpaduan dan Persaudaraan yang menyasarkan lebih 500,000 penyertaan itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta barisan Kabinet.

Bacaan selawat dalam majlis itu akan dipimpin tokoh agama nusantara, Habib Syech Abdul Qodir Asseqaf dan Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid.

Orang ramai digalakkan berpakaian serba putih dan sebarang pertanyaan

boleh menghubungi Sekretariat Selawat Perdana 012-2233757 atau menerusi laman Twitter, @selawatperdana.

Sejadah akan diberikan kepada setiap mereka yang datang awal. Saya difahamkan orang ramai akan mula datang seawal jam 5 petang

**ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM**  
Pengerusi TH

**Selawat Perdana**  
MALAM CINTA ALLAH & RASUL 1435H

Headline	TH sumbang 100,000 helai sejadah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	11	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	667 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,912



**ABDUL Azeez Abdul Rahim (tengah) menyerahkan sejadah sumbangan Lembaga Tabung Haji untuk program Selawat Perdana kepada Shahrul Nasrun Kamarudin (kanan) di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Abdullah Md. Yusof. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM**